



SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

PEMBAYARAN FASA 1 BKM 2022

1. **S: Bilakah pembayaran Fasa 1 BKM 2022 akan dibuat?**

J: Tarikh pembayaran Fasa1 BKM 2022 adalah seperti berikut:

Bil.	Kaedah Pembayaran	Tarikh Pembayaran
1.	Ada Akaun Bank	Mulai 28 Mac 2022 secara berperingkat. (Dikreditkan ke akaun bank yang didaftarkan semasa permohonan BKM 2022)
2.	Tiada Akaun Bank	Tuntutan tunai di Cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) mulai 30 Mac 2022.
3.	Tiada Akaun Bank (Pedalaman Sabah / Sarawak)	

2. **S: Siapakah yang layak menerima BKM 2022?**

J: Permohonan BKM 2022 yang layak menerima bayaran Fasa 1 BKM 2022 adalah merujuk kepada Permohonan BKM 2022 berstatus Lulus dan melepasi semakan verifikasi kelayakan.

3. **S: Berapakah amaun bayaran Fasa 1 yang akan diterima oleh penerima BKM 2022 yang berstatus Lulus?**

J: Jumlah pembayaran BKM 2022 adalah seperti berikut:

i. **Kategori Isi Rumah (Kahwin) – Pemohon berumur 59 tahun dan ke bawah**

Pendapatan Isi Rumah RM0 - RM2,500			
Bilangan Anak	0	1 - 2	≥ 3
FASA 1	RM300	RM300	RM300
FASA 2	RM200	RM300	RM400
FASA 3	RM200	RM300	RM400
FASA 4	RM300	RM600	RM900
JUMLAH	RM1,000	RM1,500	RM2,000

Pendapatan Isi Rumah RM2,501 – RM5,000			
Bilangan Anak	0	1 - 2	≥ 3
FASA 1	RM100	RM200	RM300
FASA 2	RM100	RM100	RM100
FASA 3	RM100	RM100	RM100
FASA 4	RM100	RM200	RM300
JUMLAH	RM400	RM600	RM800

- ii. **Kategori Isi Rumah (Kahwin) – Pemohon berumur 60 tahun dan ke atas dengan amaun tambahan Isi Rumah Warga Emas (RM300)**

Pendapatan Isi Rumah RM0 - RM2,500			
Bilangan Anak	0	1 - 2	≥ 3
FASA 1	RM300	RM300	RM300
FASA 2	RM200	RM300	RM400
FASA 3	RM500	RM600	RM700
FASA 4	RM300	RM600	RM900
JUMLAH	RM1,300	RM1,800	RM2,300

Pendapatan Isi Rumah RM2,501 – RM5,000			
Bilangan Anak	0	1 - 2	≥ 3
FASA 1	RM100	RM200	RM300
FASA 2	RM100	RM100	RM100
FASA 3	RM400	RM400	RM400
FASA 4	RM100	RM200	RM300
JUMLAH	RM700	RM900	RM1,100

iii. **Kategori Isi Rumah [Ibu Bapa Tunggal (IBT) Mempunyai Anak] – Tiada Had Umur Pemohon dengan amaun tambahan IBT mempunyai anak (RM500)**

Pendapatan Isi Rumah RM0 - RM2,500		
Bilangan Anak	1 - 2	≥ 3
FASA 1	RM300	RM300
FASA 2	RM300	RM400
FASA 3	RM800	RM900
FASA 4	RM600	RM900
JUMLAH	RM2,000	RM2,500

Pendapatan Isi Rumah RM2,501 – RM5,000		
Bilangan Anak	1 - 2	≥ 3
FASA 1	RM200	RM300
FASA 2	RM100	RM100
FASA 3	RM600	RM600
FASA 4	RM200	RM300
JUMLAH	RM1,100	RM1,300

iv. **Kategori Bujang dan Ibu Bapa Tunggal (IBT) Tidak Mempunyai Anak - Pemohon berumur 59 tahun dan ke bawah**

Pendapatan RM0 - RM2,500	
FASA 1	RM200
FASA 2	-
FASA 3	RM150
FASA 4	-
JUMLAH	RM350

v. **Kategori Bujang dan Ibu Bapa Tunggal (IBT) Tidak Mempunyai Anak - Pemohon berumur 60 tahun dan ke atas**

Pendapatan RM0 - RM5,000	
FASA 1	RM150
FASA 2	RM150
FASA 3	RM150
FASA 4	RM150
JUMLAH	RM600

4. S: Bagaimanakah kaedah pembayaran Fasa 1 BKM 2022?

J: Kaedah pembayaran Fasa 1 BKM 2022 adalah seperti berikut:

i. Kredit ke akaun bank

Pembayaran akan dikreditkan ke akaun bank pemohon / pasangan yang telah didaftarkan semasa permohonan BKM 2022 secara berperingkat.

ii. Tunai di Kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN)

- a) Pembayaran akan dilakukan secara tunai sekiranya tidak melaporkan maklumat akaun bank semasa permohonan BKM 2022.
- b) Pembayaran Fasa 1 BKM 2022 berstatus Gagal Kredit.

5. S: Bilakah tarikh pembayaran Fasa 1 BKM 2022 bagi penerima pedalaman Sabah / Sarawak yang tidak mempunyai maklumat akaun bank?

J: Tarikh pembayaran Fasa 1 BKM 2022 bagi penerima pedalaman Sabah / Sarawak yang tidak mempunyai maklumat akaun bank adalah mulai 30 Mac 2022 di Cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) yang berhampiran.

6. S: Saya adalah pemohon dan tidak melaporkan maklumat akaun bank semasa pendaftaran BKM 2022, adakah pembayaran BKM 2022 akan dibuat secara tunai kepada saya?

J: Sekiranya anda tidak melaporkan maklumat akaun bank semasa pendaftaran / kemas kini BKM 2022, pembayaran adalah seperti berikut:

- i. Pasangan adalah warganegara dan ada melaporkan maklumat akaun bank – pengkreditan ke akaun bank pasangan akan dibuat.
- ii. Pasangan tidak melaporkan maklumat akaun bank – pembayaran secara tunai di BSN kepada pemohon.

7. S: Sekiranya saya diisytiharkan mufliis dan akaun bank yang didaftarkan sebelum ini telah dibekukan, bagaimanakah saya boleh mendapatkan bayaran BKM 2022?

J: Anda perlu merujuk kepada agensi berkaitan untuk mendapatkan kebenaran membuka akaun bank / mengaktifkan semula akaun bank sebelum tuntutan bayaran BKM 2022 dibuat.

8. S: Saya ingin membuat semakan pada MyBKM dan bagaimanakah saya boleh mengetahui pembayaran Fasa 1 BKM 2022 dibayar kepada akaun bank saya atau pasangan?

J: Anda boleh membuat semakan status kelulusan mulai 28 Mac 2022 pada **MyBKM → Semakan Status → Maklumat Pembayaran** bagi Fasa 1. Maklumat yang dipaparkan adalah seperti berikut:

- i. Nombor Pengenalan Akaun dikredit
- ii. Nama Penerima
- iii. Fasa Pembayaran
- iv. Jumlah dikredit
- v. Status Kredit
- vi. Nama Bank
- vii. Nombor Akaun Bank

9. **S:** Saya telah menerima bayaran dan ingin menolak BKM 2022. Bagaimanakah cara untuk memulangkan bayaran BKM 2022 yang telah diterima?

J: Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan menyatakan nama penuh, nombor MyKad / Nombor Pengenalan, alamat surat menyurat dan sebab pemulangan;
- ii. Lampirkan draf bank / cek yang mengandungi jumlah bayaran atas nama **Akauntan Negara Malaysia** (mengikut jumlah pemulangan); **dan**
- iii. Surat dan draf bank / cek perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:

**Pejabat Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2 62592 Putrajaya**